



angkah kerajaan melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) baru-baru ini, membuktikan kerajaan serius dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai Negara Keusahawaan tulen menjelang 2030.

Bagi mencapai matlamat itu, Kementerian Pembangunan Usahawan yang akan mengetui tanggungjawab besar ini dengan kerjasama semua kementerian lain dilihat akan memberi fokus utama kepada agenda membina ekosistem keusahawanan yang inklusif.

Dasar yang dilancarkan Perdana Menteri itu menjadi dokumen dan garis panduan penting yang mengandungi lima objektif dan enam elemen teras yang disasarkan untuk menjadi nukleus dan pemangkin kepada budaya keusahawanan dalam kalangan anggota masyarakat kita.

Lima objektif itu adalah, mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan ekonomi, membentuk fikiran dan budaya keusahawanan, mempertingkatkan bilangan usahawan berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan, berfikiran global dan kompetitif, mempertingkatkan keupayaan usahawan tempatan dan industri kecil dan sederhana (IKS) serta menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Manakala, enam teras yang akan mendasari objektif itu adalah, pembudayaan keusahawanan, penajaran semula sistem kawal selia dan capaian kepada pembiayaan kewangan, pengukuhan pembangunan keusahawanan bersepdu dan holistik, penumpuan kepada perusahaan berteraskan inovasi, pemerkasaan prestasi perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta pelonjakan perusahaan berpotensi pertumbuhan tinggi.

Umum mengetahui, bidang keusahawanan menyediakan pelbagai peluang untuk memajukan diri, namun malangnya keusahawanan masih tidak menjadi kerjaya pilihan anggota masyarakat terutama graduan dan belia.

Majoriti masih memilih untuk mencari kerja makan gaji baik di sektor kerajaan maupun swasta atas pelbagai alasan seperti terjamin, mendapat gaji dan imbuhan tetap di samping mempunyai pelbagai kemudahan perkhidmatan yang lain.

Justeru, bukan mudah untuk merealisasikan inisiatif DKN ini sekali gus mencapai impian mewujudkan negara keusahawanan tulen. Walaupun sudah mempunyai matlamat, dasar serta objektif yang jelas, namun tidak semudah itu untuk melaksanakannya.

Dalam konteks ini, objektif

Mengikis budaya makan gaji

mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif perlu dilihat sebagai keperluan paling asas dan mustahak. Ia cukup berkait rapat dengan pelbagai keluh kesah anggota masyarakat yang selama ini menghadapi pelbagai rintangan apabila ingin mencebur ke bidang keusahawanan.

Antara aspek yang perlu diberi perhatian kewujudan peluang yang seimbang dan sama rata, penyediaan kemudahan atau fasiliti mesra usahawan serta bimbingan dan bantuan kewangan yang secukupnya.

Untuk itu, semua kementerian yang terlibat perlu melihat ini sebagai agenda utama dalam konteks mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama. Tuntasnya, tidak boleh ada lagi halangan mahupun pelbagai kerenten birokrasi yang melemahkan semangat anggota masyarakat terutama belia yang berminat menjadi usahawan.

Sebaliknya, dicadangkan setiap kementerian menubuhkan Bahagian/Unit Pembangunan Usahawan masing-masing supaya menyelaras dan memudahkan agenda pembangunan keusahawanan di peringkat kementerian. Melalui cara ini, baik usahawan baharu atau sedia ada

dapat terus diberi perhatian dan bantuan sewajarnya.

Dalam hal ini, kerajaan wajar meneliti dan menilai semula punca kenapa anggota masyarakat terutama graduan tidak mahu mencebur ke bidang keusahawanan. Kita tidak mahu pisang berbau dua kali di mana walaupun pelbagai galakan dibuat, namun bilangan usahawan terutama yang berkualiti tetap sedikit.

Pada masa sama, usaha untuk membuang stigma dan fobia masyarakat terhadap bidang keusahawanan juga perlu diberi perhatian khusus. Persepsi keusahawanan kerja kelas kedua serta tidak mempunyai masa depan cerah perlu diubah dan diperbetulkan dengan segera.

Dalam hal ini, elemen kesedaran melalui pendidikan pembudayaan keusahawanan perlu dititik beratkan di semua peringkat sistem pendidikan negara. Hakikatnya bukan mudah mengubah sikap dan pemikiran orang, jadi perlu ada usaha bersepdu dari semua pihak untuk membentuk dan menerapkan agenda serta budaya keusahawanan dalam kalangan anak muda.

Anggota masyarakat perlu diyakinkan bidang ini menjanjikan masa depan lebih baik.

Dalam konteks ini ibu bapa juga wajar memainkan peranan, misalnya perlu memberi galakan dan suntikan motivasi kepada anak supaya memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Tindakan ibu bapa sendiri yang sering 'memaksa' anak mencebur kerjaya profesional yang keluarga mahukan perlu dihentikan dengan segera.

Bagi ruang untuk anak membuat pilihan dan seelok-eloeknya galakkan mereka berdikari dengan menjadi usahawan. Sudah tiba masanya keperluan subjek pendidikan keusahawanan di sekolah diberi perhatian serius supaya anak dapat pendedahan sewajarnya secara formal dan berfasa.

Dalam hal ini subjek seperti Ekonomi Asas dan Perdagangan, misalnya wajar diberi nafas baharu dengan menerapkan lebih banyak elemen pendidikan keusahawanan.

Realitinya pada hari ini bilangan graduan semakin bertambah, manakala peluang pekerjaan pula dilihat tidak begitu banyak. Senario ekonomi global yang tidak menentu pula dilihat mengeruhkan lagi keadaan untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Majikan pula mempunyai

banyak pilihan untuk memilih pekerja yang mereka mahukan. Maka, dalam persekitaran sebegini apa lagi pilihan yang graduan dan belia kita ada? Justeru, adalah penting untuk mengambil inisiatif bagi menyedarkan golongan pencari kerja ini betapa zaman kerja mencari kita sudah lama berlalu dan perlu mengambil segala peluang yang ada untuk meneroka bidang baharu terutama bidang keusahawanan.

Hakikatnya, dasar ideal ini tidak akan memberi apa-apa manfaat jika kita gagal melaksanakannya dengan betul dan berkesan terutama apabila anggota masyarakat tidak menyedari dan mengambil peluang yang disediakan kerajaan.

Jadi diharap dasar ini dapat diterjemahkan melalui tindakan dengan membentuk dan melaksanakan pelan tindakan komprehensif dan membabitkan setiap kementerian dan semua golongan anggota masyarakat. Semoga kita mampu mencapai impian mewujudkan negara keusahawanan tulen seperti yang diharapkan.

**Penulis Timbalan Pengarah
Pejabat Strategi Korporat
dan Komunikasi Universiti
Putra Malaysia**

Oleh Juragan

Dialog Kotaraya

AKU DAH KENA SCAM LA..HABIS LICIN DUIT DALAM AKAUN AKU KENA SAPU.! NAK BELANJA SATU SEN PUN DAH TAK ADA...

IYE? ITU LA KAU,
CEPAT SANGAT PERCAYA..

IKUT MACAM AKU, KALAU BAB DUIT NI, DALAM ONLINE KE TAK ONLINE KE, JANGAN PERCAYA.
AWAL AWAL CABUT...!

CIS! TAU TAU JE
AKU NAK 'SCAM'
DUIT DIA.

